# Majlis sambut PM ditangguh

BH 18 JUN 1992

SHAH ALAM, Rabu — Majlis sambutan kepulangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dari Rio de Janeiro Khamis ini, ditangguhkan selepas Dr Mahathir tidak jadi pulang pada hari itu.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata jawatankuasa sambutan dimaklumkan hari ini, Dr Mahathir tidak dapat pulang seperti yang dijadualkan.

"Oleh kerana jawatankuasa tidak dapat pengesahan tarikh baru, kerajaan negeri mengambil keputusan tidak akan mengadakan upacara sambutan itu," katanya.